

03/09/1998

MBf diberi 10 hari serah laporan

KUALA LUMPUR, Rabu - MBf Finance Berhad diberi tempoh 10 hari bermula hari ini untuk mengemukakan laporan ada unsur paksaan ke atas pekerjaanya untuk menerima Skim Pemberhentian Kerja Sukarela (VSS).

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata siasatan Jabatan Buruh menunjukkan pengurus di lima cawangan MBf Finance menggunakan paksaan terhadap beberapa pekerja untuk menandatangani borang pemilihan Skim VSS.

"Atas permintaan kementerian, pengurusan syarikat memberi jaminan menjalankan siasatan dalaman terhadap pengurus lima cawangan yang memaksa pekerja menandatangani surat tawaran VSS.

"Kalau didapati benar, pengurusan berjanji mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengurus berkenaan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kementeriannya, hari ini.

Skim VSS yang dilaksanakan MBf Finance membabitkan 120 cawangan dan 4,032 pekerja di seluruh negara.

Daripada 1,769 pekerja yang membuat permohonan, 1,123 diterima, manakala 646 ditolak.

Menurut Lim, pengurusan MBf Finance tidak mengetahui perkara itu sehingga pekerja lima cawangan bank berkenaan membuat aduan.

Beliau berkata, perkara itu agak menyedihkan kerana pengurus terbabit diberi mandat oleh pengurusan syarikat untuk menjalankan tugas dengan adil.

"Bagaimanapun, mereka gagal melaksanakan tanggungjawab dengan saksama apabila menggunakan unsur paksaan," katanya.

Mengenai kesan pasaran buruh berikutan langkah drastik kerajaan memulihkan ekonomi negara, Lim berkata langkah yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, membolehkan lebih banyak peluang pekerjaan diwujudkan.

Beliau yakin langkah itu memastikan lebih banyak wang dibawa pulang dari luar negara dan tahap kecairan bank dapat dipertingkatkan.

"Saya percaya bank boleh meluluskan lebih banyak pinjaman kepada sektor perniagaan untuk menjalankan kegiatan mereka.

"Ini tentu membuka lebih banyak peluang pekerjaan," katanya.

Beliau meminta pekerja memberi sokongan padu terhadap langkah kerajaan itu kerana melalui sokongan pekerja pemulihan ekonomi dapat dilaksanakan lebih cepat.

"Saya juga berterimakasih kepada pekerja yang selama ini bersabar dan tidak mengambil tindakan perusahaan, walaupun banyak syarikat yang ditutup," katanya.

(END)